



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

8 Jun 2000

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS
ENACTMENT OF THE STATE OF PENANG 1993

No. 158

FATWA MENGENAI BUKU “TIANG UGAMA”
FATWA ON THE BOOK “TIANG UGAMA”

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subsekyen 36 (1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwat Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

In exercise of the power conferred by subsection 36 (1) and (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, the Mufti for the State of Penang makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

1. بهوا ایسی کندوغن بوکو "تیاغ اُکام" اداله برچئکه دان میلویغ درفد فکاغن اهل السنة والجماعة دان منجادی انچامن کفد فرقادوان اُومة، کأوتوهن، فرقادوان بئسا دان کأمانن نکارا.
2. ایسی کندوغن بوکو این فرلو دسکت کسلوروهنن دري برکمبغ د نكري قولو فینغ برداسرکن فرچاغاغن دان فیلویغن یغ تردافت ددالم بوکو ترسبوت خصوصن دري سودوت عقیده.

فیلویغن دري سودوت عقیده :

- (i) ممفرتیکایکن دوا کلمة شهادة یغ دلفظکن اوله اورغ اسلام.
(سیلا لیهت بوکو "تیاغ اُکام" موکا سورت 3،5،6،7،8،9،10،11،18،23)
- (ii) مغهینا صحابة نبی (ص) : أبو هريرة رضي الله عنه.
(سیلا لیهت بوکو "تیاغ اُکام" موکا سورت 5،6،7،9،12،14،15،17،28،29)

(iii) تیدق مروجوع کفد تفسیر-تفسیر القراءان.

(سیلا لیهت بوکو "تیاغ اُکام" موکا سورت 32)

(iv) مغهینا فکاغن دان اعتیقاد اهل السنة والجماعة.

(سیلا لیهت بوکو "تیاغ اُکام" موکا سورت 3،11،33،34)

(v) مغهینا امفت مذهب اساس دالم اسلام.

(سیلا لیهت بوکو "تیاغ اُکام" موکا سورت 33،34)

(vi) مغدکن فوغسی دان فرانن رسول الله صلى الله عليه وسلم کفد هان فیمفی أية-أية القراءان سهاج.

(سیلا لیهت بوکو "تیاغ اُکام" موکا سورت 9)

3. أوله ایت، مان-مان اورغ اسلام أتو کومقولن یغ برفئغ کفد ایسی کندوغن بوکو ترسبوت أدله دلارغ ساما سکالی کران ای برتتاغن دغن فکاغن اهل السنة والجماعة. لارغ این ملیفوتی :

- (a) أونتوق مغاجر، ممقلاجري، مغمعمل، برقكغ كغذ أتو مپبيركن أجاران-أجاران دان فهامن-فهامن يغ
تركندوغ ددالم بوكو "تياغ أكام" اتو ؛
- (b) أونتوق منربيت اف- اف بنتوق، ورسى أتو ورياسين أتو اف- اف ترجماهنن دالم اف- اف بهاس
أتو اف- اف باهن قبليسي تي أتو اتس اف- اف باهن، سمأد باهن چيتق أتو اليترونينق أتو سلأينش أتو
ملالوئي اف- اف ميديا، أتو اف- اف قاعده يغ بوليه ممباوا كغذ فئيبيران إيسي كندوغن بوكو
ترسبوت.

1. Bahawa isi kandungan buku “Tiang Ugama” adalah bercanggah dan menyeleweng daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama’ah dan menjadi ancaman kepada perpaduan ummah, keutuhan, perpaduan bangsa dan keamanan negara.
2. Isi kandungan buku ini perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di negeri Pulau Pinang berdasarkan percanggahan dan penyelewengan yang terdapat di dalam buku tersebut khususnya dari sudut akidah.

Penyelewengan dari Sudut Akidah:

- (i) Mempertikaikan dua kalimah syahadah yang dilafazkan oleh orang Islam.
(Sila lihat buku “Tiang Ugama” muka surat 3,5,6,7,8,9,10,11,18,23)
 - (ii) Menghina sahabat Nabi S.A.W: Abu Hurairah R.A.
(Sila lihat buku “Tiang Ugama” muka surat 5,6,7,9,12,14,15,17,28,29)
 - (iii) Tidak merujuk kepada tafsir-tafsir al-Quran.
(Sila lihat buku “Tiang Ugama” muka surat 32)
 - (iv) Menghina pegangan dan i’tikad Ahli Sunnah Wal Jama’ah.
(Sila lihat buku “Tiang Ugama” muka surat 3,11,33,34)
 - (v) Menghina empat mazhab asas dalam Islam.
(Sila lihat buku “Tiang Ugama” muka surat 33,34)
 - (vi) Menghadkan fungsi dan peranan Rasulullah S.A.W kepada hanya penyampai ayat-ayat al-Quran sahaja.
(Sila lihat buku “Tiang Ugama” muka surat 9)
3. Oleh itu, mana-mana orang Islam atau kumpulan yang berpegang kepada isi kandungan buku tersebut adalah dilarang sama sekali kerana ia bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama’ah. Larang ini meliputi:

- (a) Untuk mengajar, mempelajari, mengamal, berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung di dalam buku “Tiang Ugama” atau ;
- (b) Untuk menerbit apa-apa bentuk, versi atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media, atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran isi kandungan buku tersebut.